

Berita Harian
 Berita Minggu

Tarikh: 10/01/12

Hari: SELASA M/S: 4

Ruangan: MINDA

4

minda

844 •
10 - 16 Januari 2012

BERITA



Wakil MGA menunjukkan cara memukul bola yang betul.

OLEH SAMSUDIN OLI
MOHAMED
bhinda@harian.com.my

Seramai 50 orang pelajar sekolah menengah terdiri daripada anak-anak kakitangan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, menyertai klinik golf anjuran Malaysian Golf Association (MGA) Junior yang dikendalikan oleh Akademi Golf UUM di Driving Range, UUM baru-baru ini.

Semua peserta mendapat bimbingan jurulatih golf ne-

gara, Encik V Gunalan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah sesi penerangan mengenai sukan golf, cara memukul bola serta undang-undang yang perlu dipatuhi sama ada ketika memukul bola atau di padang. Pengarah Akademi Golf Nasional UUM, Prof Madya Azmi Shaari, melahirkan rasa bangganya dengan sambutan yang ditunjukkan oleh anak-anak kakitangan UUM sekali gus membuktikan golf bukan sekadar sukan bagi golongan berpendapatan tinggi sahaja.

Tambahan pula, katanya kerajaan sentiasa merancang pelbagai program bagi mengentengahkan sukan ini kerana yakin ramai dalam kalangan generasi muda,

Anak kakitangan UUM sertai klinik golf

termasuk di luar bandar serta pedalaman yang mempunyai bakat dan minat tetapi kurang mendapat pendedahan.

Selain Kedah, Klinik Golf MGA Junior turut diadakan di 13 buah negeri lain di seluruh negara bertujuan mencungkil bakat muda dalam permainan golf untuk diketengahkan bagi mewakili negeri dan negara.

Sementara itu, beberapa orang pelajar yang ditemui melahirkan rasa bertuah kerana terpilih menyertai klinik itu dan berhasrat untuk menjadikan sukan golf sebagai pilihan pertama mereka.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Hosba, Mohd Kamarul Adha, dia menyertai Klinik Golf MGA Junior bersama beberapa orang rakan lain kerana ingin mencuba sesuatu yang baru.

Manakala bagi pelajar SMK Jitra, Muhammad Saniy Samsudin, Klinik Golf MGA Junior boleh dianggap sebagai landasan terbaik kepada pelajar yang mahu memahami apa yang diperlukan dalam sukan golf terutama berkaitan undang-undang dan tip permainan.

"Walaupun klinik ini khusus untuk anak-anak kakitangan



Prof Madya Azmi menyampaikan sijil kepada peserta Klinik Golf MGA Junior.

UUM, saya berharap pihak sekolah membenarkan saya menjalani latihan golf dari semasa ke semasa seterusnya mengharumkan nama negeri dalam sukan ini suatu hari kelak," katanya.

Sebaik Klinik Golf MGA Junior berakhir, penyampian sijil kepada peserta disempurnakan oleh Prof Madya Azmi dengan disaksikan oleh Pengurus Kelab Golf UUM, Encik Mohd Rom Muslim.



“Walaupun klinik ini khusus untuk anak-anak kakitangan UUM, saya berharap pihak sekolah membenarkan saya menjalani latihan golf dari semasa ke semasa seterusnya mengharumkan nama negeri dalam sukan ini suatu hari kelak”

Muhammad Saniy Samsudin
Pelajar SMK Jitra



Pelajar yang menyertai Klinik Golf MGA Junior di UUM bergambar kenangan.



Encik Mohd Rom (kiri) memberi taklimat mengenai asas permainan golf sebelum klinik bermula.